

Syor caj 0.02 peratus pembelian dalam talian

Kerajaan masih teliti cadangan agar tak beban rakyat

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Bachok: Kerajaan bercadang mengenakan caj perkhidmatan 0.02 peratus pembelian dalam talian termasuk melalui portal e-dagang, Lazada dan Shopee.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin, berkata caj itu hanya serendah 20 sen bagi pembelian RM1,000 ke bawah.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya belum menetapkan minimum pembelian yang membolehkan caj perkhidmatan itu dikenakan kerana ia masih pada peringkat perancangan.

"Ini masih dalam perancangan kementerian, sebelum dibentangkan dan ia antara jalan untuk mencari sumber lain yang tidak membebankan rakyat.

"Bagaimanapun caj perkhidmatan ini bukan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Komuniti @ Merdeka di Pengkalan Petah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Bachok, Nik Abdul Nik Abdul Aziz.



Zainul Abidin (tengah) bersama Nik Mohamad Abduh (kanan) memasang Jalur Gemilang pada bot selepas merasmikan Program Komuniti @ Merdeka di Pengkalan Petah, Bachok, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Zahidi berkata, ketika ini banyak pembelian dalam talian tidak membayar cukai sekali gus menyebabkan kerugian dan ketirisan hasil kerajaan berlaku.

"Untuk mengenakan cukai ia rumit dan perlu diluluskan Parlimen menyebabkan kita perlu memperkenalkan caj perkhidmatan ini," katanya.

Beliau menegaskan caj perkhidmatan yang dikutip itu akan digunakan untuk tujuan penambahbaikan sistem keselamatan komunikasi untuk mengelak pencerobohan siber.

Kini banyak pembelian dalam talian tidak membayar cukai sekali gus menyebabkan kerugian dan ketirisan hasil kerajaan berlaku.

Zahidi Zainul Abidin,
Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia

Katanya, kebelakangan ini, banyak berlaku serangan siber di seluruh dunia akibat ketirisan data seperti berlaku kepada Western Union, baru-baru ini yang menyebabkan kerugian jutaan ringgit.

"Oleh sebab itu, sistem keselamatan siber di negara ini perlu dipertingkatkan dan diperkemas bagi mengelak ia berlaku.

"Justeru, kita perlu sama-sama membantu untuk menampung kos penambahbaikan komunikasi kerana ia membabitkan perbelanjaan besar," katanya.